

206 lagi unit Rumah Rakyat Pahang dibina tahun ini

Oleh [Asrol Awang](#) - Ogos 11, 2021 @ 8:30pm
bhnews@bh.com.my



(Gambar fail) Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail. NSTP/MUHD ASYRAF SAWAL

KUANTAN: Kerajaan Pahang meluluskan fasa ketiga projek Rumah Rakyat Pahang (RRP) membabitkan pembinaan 104 unit, bermula bulan depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata kelulusan itu diputuskan pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, hari ini.

Beliau berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan RRP yang akan dibina tahun ini ialah 206 unit, termasuk 102 bawah fasa kedua, bernilai RM13.39 juta.

"Bawah RRP, rumah dibina bernilai RM65,000 seunit dan diberikan secara percuma kepada golongan memerlukan, terutama mereka dalam senarai daftar eKasih," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Menjelaskan lanjut, Wan Rosdy berkata, RRP dilancarkan pada tahun tahun lalu atas keprihatinan Kerajaan Pahang untuk membantu golongan memerlukan.

Menerusi pelaksanaan fasa pertama, beliau berkata, sebanyak 98 unit RRP bernilai RM6.37 juta telah siap dibina dan diduduki.

"Agihan pada tahun lalu membabitkan dua unit RRP untuk setiap daripada 42 Dewan Undangan Negeri, manakala 14 kawasan Parlimen pula masing-masing satu unit.

"Diharapkan lebih banyak lagi RRP dapat dibina pada masa depan, dengan berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan Pahang," katanya.